

18 NOV 2001

Abdullah-Sikap

SIKAP SALING MENGHORMATI AGAMA PERLU DIKEKALKAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata sikap saling hormat menghormati agama dan budaya pelbagai kaum perlu dikekalkan bagi menjamin Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara yang aman dan selesa.

Beliau berkata sikap saling menghormati semakin menonjol di bulan Ramadan dengan orang bukan Islam bersama-sama orang Islam yang berpuasa menunggu waktu berbuka puasa di kedai-kedai untuk sama-sama menikmati juadah.

"Yang menjadi kelaziman sekarang ialah yang bukan Islam, mereka tidak makan sehingga masuk waktu buka puasa kerana hendak makan dengan orang yang berpuasa," katanya ketika melancarkan Bazar Ramadan 2001 Peringkat Kebangsaan di Lorong Tuanku Abdul Rahman dan sekitar Jalan Masjid India di sini.

Abdullah berkata menjemput orang bukan Islam untuk menyertai majlis berbuka puasa juga bukanlah menjadi satu perkara yang menimbulkan perasaan tidak selesa di kalangan orang Islam.

Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam baru-baru ini, penduduknya yang bukan Islam tetap mempunyai peranan dalam pembangunan negara dengan hak-hak mereka dilindungi oleh undang-undang negara.

"Inilah contoh negara Islam yang elok, muafakat dan pergaulan di kalangan masyarakatnya yang berbilang bangsa dan agama," katanya.

Abdullah juga berharap semangat mencari rezeki termasuk dengan berniaga di bulan Ramadan wajar diteruskan walaupun selepas bulan Ramadan.

Program Bazar Ramadan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Masjid Jamek Bandaraya KL dan Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, merupakan satu aktiviti jualan aneka jenis keperluan juadah berbuka puasa dan barangan keperluan Hari Raya.

Terdahulu, Abdullah turut melancarkan apa yang dipanggil Acara Memasak Aneka 1,422 Jenis Bubur yang akan dijual kepada orang ramai bagi mengisi Tabung Pelarian Afghanistan.

Acara yang diadakan dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad itu disertai 1,422 peserta dan ia akan dicatatkan ke dalam Malaysia Book of Records sebagai acara masak bubur terbesar.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir semasa berucap berkata aktiviti jual beli di sepanjang bulan Ramadan telah diterima sepenuhnya sebagai budaya masyarakat Malaysia sejak sekian lama.

Beliau berkata kemeriahan suasana berjual beli berjaya mewujudkan keharmonian dan hubungan erat antara masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Menurut beliau, keunikan suasana dan budaya menyambut perayaan seperti ini ialah satu peristiwa yang wajar dihayati bukan sahaja oleh masyarakat tempatan tetapi juga oleh pelancong asing.

"Pengalaman bersama masyarakat tempatan semasa mengunjungi Bazar Ramadan akan memberikan kefahaman mengenai sesuatu budaya masyarakat Malaysia yang akan kekal dalam ingatan," katanya.

Selain rakyat tempatan, sebanyak 300 pelancong asing turut dijemput daripada seluruh dunia untuk memeriahkan program itu bagi membolehkan mereka melihat dengan lebih dekat aktiviti rakyat Malaysia di sepanjang bulan Ramadan selain mengerjakan ibadat puasa.

Abdullah juga mengambil kesempatan melawat gerai-gerai yang menjual pelbagai barangan daripada kuih-muih hinggalah perhiasan rumah di sekitar Jalan Masjid India yang merupakan kawasan aktiviti perniagaan terkenal di ibu negara.

Semua bazar Ramadan seumpama itu yang sedia ada di seluruh negara akan dipromosikan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

-- BERNAMA

MAM HS PR